

PERKEMBANGAN HUBUNGAN PERKAHWINAN PASANGAN KEKAL
BERKAHWIN DALAM KITARAN PERKEMBANGAN KELUARGA

SALMI JALINA BINTI JALIL

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ABSTRAK

Perspektif perkembangan merupakan salah satu elemen yang diambil kira dalam melihat perkembangan hubungan perkahwinan dalam kitaran perkembangan keluarga kerana berupaya menjelaskan proses perubahan yang dilalui oleh pasangan kekal berkahwin mengikut kronologi daripada sebelum berkahwin sehingga kepada penuaan. Oleh itu, fokus kajian ini adalah untuk meneroka proses perkembangan hubungan perkahwinan, tugas perkembangan dan cabaran yang dilalui oleh pasangan kekal berkahwin dalam kitaran perkembangan keluarga melalui tiga persoalan kajian iaitu, (i) Apakah proses perkembangan hubungan perkahwinan pasangan kekal berkahwin dalam kitaran perkembangan keluarga?; (ii) Bagaimanakah tugas perkembangan hubungan pasangan kekal berkahwin dalam setiap fasa perkembangan?; dan (iii) Apakah cabaran yang dilalui oleh pasangan kekal berkahwin dalam setiap fasa perkembangan?. Seterusnya, untuk menjawab semua persoalan kajian tersebut pengkaji menggunakan penyelidikan kualitatif serta reka bentuk fenomenologi hermeneutik. Pengkaji menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kajian ini melibatkan 12 pasangan bandar dan luar bandar yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Tiga sumber data digunakan oleh pengkaji iaitu data temu bual mendalam, pemerhatian dan dokumen yang dianalisis menggunakan perisian Nvivo Plus 12 melalui kaedah lingkaran hermeneutik. Keseluruhannya, dapatan kajian telah menemui 179 tema yang menjelaskan proses perkembangan hubungan perkahwinan, tugas perkembangan serta strategi pelaksanaan tugas perkembangan dan cabaran yang dihadapi oleh pasangan kekal berkahwin mengikut kronologi perkembangan hubungan perkahwinan dalam kitaran perkembangan keluarga. Kajian ini mencadangkan empat fasa perkembangan hubungan perkahwinan dalam kitaran perkembangan keluarga iaitu (i) fasa perkembangan praperkahwinan; (ii) fasa perkembangan awal perkahwinan; (iii) fasa perkembangan pertengahan perkahwinan; dan (iv) fasa perkembangan kekal berkahwin. Keempat-empat fasa perkembangan tersebut mengandungi lapan elemen peralihan, sepuluh peranan dan 22 matlamat hubungan perkahwinan. Selain itu, pasangan kekal berkahwin telah melaksanakan 22 tugas perkembangan dalam keempat-keempat fasa perkembangan. Tugas perkembangan merupakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam perkahwinan. Antara tugas utama yang dilaksanakan oleh pasangan kekal berkahwin dalam setiap fasa perkembangan ialah tugas mengekalkan hubungan perkahwinan, tugas keibubapaan dan hubungan dengan orang lain. Pelaksanaan tugas perkembangan melibatkan 96 strategi pelaksanaan. Strategi utama yang digunakan oleh pasangan untuk melaksanakan tugas perkembangan ialah agama, cinta dan kasih sayang serta bertanggungjawab. Pasangan kekal berkahwin juga menghadapi 21 cabaran mengikut kronologi fasa perkembangan hubungan perkahwinan. Cabaran paling kerap dihadapi ialah campur tangan orang ketiga, kewangan dan peristiwa tidak dijangka. Kejayaan pasangan melalui setiap fasa perkembangan digambarkan melalui pelaksanaan tugas perkembangan secara dyad iaitu kerjasama suami isteri dalam perkahwinan mereka. Justeru berdasarkan dapatan kajian, model konseptual perkembangan hubungan perkahwinan pasangan kekal berkahwin dalam kitaran perkembangan keluarga dibina

sebagai rujukan dan panduan dalam penyelidikan bidang perkahwinan dan keluarga. Kajian ini turut mengemukakan cadangan yang signifikan untuk mengembangkan penyelidikan pengekal hubungan perkahwinan pada masa akan datang.

THE DEVELOPMENT OF MARITAL RELATIONSHIP AMONG LASTING MARRIAGE COUPLES IN FAMILY DEVELOPMENT CYCLE

ABSTRACT

The developmental perspective is one of the elements taken into account in the development of marital relationships in the family development cycle as it explains the process of transformation encountered by the lasting marriage couples chronologically, before marriage to ageing. Therefore, this study is inspired to explore the process of marital relationships development, the developmental tasks and challenges endured by the lasting marriage couples in the family development cycle through three research questions. These questions are (i) What is the marital relationship development process of the lasting marriage couples in the family development cycle? (ii) How do the developmental tasks of the lasting marriage couples remain in each phase of development? and (iii) What challenges do the lasting marriage couples faced during each phase of development? In addition to answer every question, the researcher employs qualitative research through hermeneutic phenomenology design. The researcher applies the purposive sampling method. This research involves 12 urban and rural couples that fulfilled the criteria. The researcher used three data sources which includes in-depth interviews, observations and documents analysis. The data were analysed through the hermeneutic circle method and analyzed thematically using the Nvivo Plus 12 application. Overall, the study found 179 themes explaining the developmental process of marriage relationships, developmental tasks and strategies of achievement and also challenges facing married couples in the chronology of the development in marriage relationship in the family development cycle. This study proposes four phases of the development in marital relationships development in the family development cycle, namely (i) the pre-marital development phase; (ii) the early developmental phase of the marriage; (iii) the mid-marriage development phase; and (iv) the developmental phase of lasting marriage. The four stages of the development incorporate eight transitional elements, ten roles and 22 marital relationship goals. Besides that, there are a total of 22 developmental tasks undergone by the lasting marriage couples in all four phases of development. The developmental task is a responsibility that must be fulfilled in marriage. In this research, the task of sustaining a marital relationship is one of the most critical responsibilities couples do in every phases other than parenting duties and relationships with others, such as in-laws and communities. Implementation of development tasks involves 96 strategies. The main strategy used by couples to carry out duties of development involves elements of religion, love and affection and responsibility. Lasting marriage couples also undergone 21 challenges according to the chronology of the developmental phase of the marriage relationship. The most common challenges faced by couples throughout the marriage are third-party intervention, financial and an unexpected event. Furthermore, the dyadic coping, which involves the cooperation of the couple in their marriage reflects the couples' success through each phase of development. Hence, the outcomes of the research

develop the conceptual model of the development of marital relationships in the family cycle, as a reference and guide in the field of marriage and family research. This study also proposes significant suggestions in developing future lasting marriage relationship research.